

## Implikasi Ideologi Terhadap Strategi Penterjemahan Unsur Budaya dalam Siri *Harry Potter* ke dalam Bahasa Melayu

### *Ideological Implication on the Strategy for Translating Cultural Elements in the Harry Potter Series into Malay*

\*ATIKAH ZABIR

IDRIS MANSOR

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

\*Corresponding author: atikahzabir@student.usm.my

Published online: 31 October 2019

To cite this article: Atikah Zabir and Idris Mansor. 2019. Implikasi ideologi terhadap strategi penterjemahan unsur budaya dalam siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 26(2): 25–52. <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.2>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.2>

**Abstrak.** Penterjemah lazimnya membuat pemilihan terancang dalam proses menentukan strategi penterjemahan. Pemilihan ini antara lain bergantung kepada sejauh mana kuasa yang diberikan kepada mereka untuk membuat keputusan. Pemilihan strategi penterjemahan juga mencerminkan status teks asal berbanding teks sasaran serta ideologi yang mendorong kegiatan penterjemahan pada satu-satu masa tertentu. Kecenderungan strategi yang digunakan oleh penterjemah sama ada berorientasikan sumber atau sasaran boleh ditentukan dengan mengkaji cara sesuatu unsur budaya diterjemahkan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti strategi yang digunakan untuk menterjemah karya sastera kanak-kanak yang menjadi fenomena iaitu siri *Harry Potter* serta menganalisis faktor ideologi dan kuasa yang mendorong pemilihan strategi tersebut. Sebanyak 84 unsur budaya telah dikenal pasti dan dikelaskan berdasarkan klasifikasi unsur budaya oleh Aixela (1996). Prosedur dan strategi keseluruhan penterjemahan dibuat berdasarkan model klasifikasi pendekatan penterjemahan oleh Qafzezi (2013) yang memanfaatkan prosedur penterjemahan unsur budaya oleh Ivir (1987) dan strategi penterjemahan oleh Venuti (2008). Analisis kajian menunjukkan bahawa strategi penterjemahan yang digunakan untuk menterjemah siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu lebih cenderung kepada berorientasikan sumber. Penterjemah didapati memiliki kuasa yang terhad dalam menentukan strategi penterjemahan yang digunakan. Kajian ini juga mendapati bahawa telah berlaku perubahan ideologi dalam aktiviti penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia pada masa kini dibandingkan dengan tempoh semasa pasca penjajahan.

**Kata kunci dan frasa:** strategi terjemahan, ideologi, unsur budaya, *Harry Potter*, bahasa Melayu

**Abstract.** *Translators make deliberate choices when deciding translation strategies. The choices, among others, are based upon the extent of power the translators have for decision-making. The choice of translation strategy also reflects upon the status of a source text compared to translated text, as well as the ideological motivation guiding translation activities at a given time. The tendency in the strategy used by a translator, whether source or text-oriented, can be determined by investigating how culture-specific items are translated. Thus, this study has been carried out to identify the strategy used to translate a phenomenon in modern children's literature that is the Harry Potter book series, and to analyse the ideological and power factors that influenced the choice of strategy. Eighty-four culture-specific items have been identified and grouped according to Aixela's (1996) classification of culture-specific items. The procedures and overall strategy were based on the translation procedures classification model by Qafzezi (2013) which leverages the typology of procedures for translating culture-specific items by Ivir (1987) and Venuti's (2008) framework for translation strategies. The findings show that the translation strategy used to translate the Harry Potter series into Malay is largely source-oriented. The translator has limited power in deciding the strategy for translating the book series. The study also indicates that there has been a change in the ideological aspect behind children's literature translation activities in Malaysia now compared to the period of post-colonialism in the 1970s and 1980s.*

**Keywords and phrases:** *translation strategy, ideology, cultural elements, Harry Potter, Malay*

## **Pengenalan**

Sastera kanak-kanak ialah instrumen yang sangat penting dalam ideologi pendidikan serta pembentukan diri kanak-kanak. Kepentingan sastera kanak-kanak tidak boleh diambil mudah kerana kanak-kanak merupakan generasi pelapis masyarakat yang akan menentukan masa depan negara. Sungguhpun begitu, menurut Zohar (2006, 26), bidang penterjemahan karya sastera kanak-kanak tidak mempunyai kedudukan utama atau status yang tinggi dalam polisistem kesusasteraan. Polisistem kesusasteraan merujuk kepada satu jaringan setiap aktiviti atau elemen berkaitan kesusasteraan yang saling berinteraksi, mempengaruhi dan mengubah antara satu sama lain (Shuttleworth and Cowie 1997, 127). Kedudukan utama dalam polisistem bermakna aktiviti atau elemen tersebut mempunyai pengaruh yang besar terhadap aktiviti dan elemen lain dalam sistem ini, manakala kedudukan sampingan bermakna sesebuah aktiviti atau elemen ini lebih tertakluk kepada pengaruh atau situasi semasa dalam sistem tersebut. Bidang penterjemahan sastera kanak-kanak misalnya tidak wujud secara bersendirian atau dalam vakum. Sebaliknya, aktiviti penterjemahan sastera kanak-kanak dipengaruhi oleh bidang kesusasteraan dan juga aktiviti penterjemahan secara amnya. Kedudukan karya sastera kanak-kanak juga agak terpinggir jika dibandingkan dengan karya kesusasteraan lain dan hal ini memberikan kuasa kepada penterjemah untuk bertindak memanipulasi teks

dalam pelbagai cara, termasuklah melalui adaptasi dan penterjemahan secara bebas. Walaupun demikian, terdapat juga sastera kanak-kanak moden seperti siri *Harry Potter* dan *The Chronicles of Narnia* yang berstatus tinggi disebabkan oleh populariti karya-karya tersebut dan hal ini menghadkan kuasa penterjemah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti strategi penterjemahan yang digunakan untuk menterjemah unsur budaya yang terdapat dalam siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu, di samping mencerakan faktor ideologi dan kuasa yang mempengaruhi pemilihan strategi tersebut. Kajian ini juga menganalisis implikasi daripada pemilihan strategi penterjemahan terhadap pemindahan ideologi daripada teks sumber ke dalam teks sasaran.

### **Ideologi, kuasa dan penterjemahan**

Istilah “ideologi” sering dikaitkan dengan kegiatan politik dan pergerakan atau fahaman yang bercanggah dengan norma masyarakat (Hatim dan Mason 1997, 120; Lefevere 1992, 16). Oleh sebab itu, ideologi sering dilihat dengan konotasi negatif dan bersifat manipulatif. Walaupun memang benar ideologi bersifat manipulatif kerana mendorong dan mempengaruhi segala tindak tanduk individu dan institusi, namun dalam pengajian linguistik, ideologi tidak terhad kepada kegiatan politik dan seumpamanya. Ideologi juga tidak semestinya bersifat negatif kerana setiap individu serta institusi tidak dapat lari daripada mempunyai ideologi tersendiri. Hal ini demikian kerana menurut perspektif linguistik, ideologi ialah kebiasaan dan kepercayaan yang mendorong setiap perbuatan manusia (Jameson 1974, 107; Lefevere 1992, 16). Ideologi berasal daripada semua andaian, kepercayaan dan sistem nilai yang dikongsi oleh sesebuah komuniti atau kumpulan (Simpson 1993, 5). Andaian, kepercayaan dan sistem nilai ini menjadi asas yang membentuk amalan komuniti atau kumpulan tersebut termasuklah dalam amalan penggunaan bahasa.

Bahasa tidak wujud secara bersendirian (Simpson 1993, 6), sebaliknya sentiasa digunakan dalam pelbagai konteks wacana. Konteks wacana ini pula mengandungi ideologi sistem sosial dan institusi masyarakat. Oleh sebab itu, bahasa sentiasa mencerminkan ideologi. Unsur ideologi boleh wujud dalam bentuk yang sangat halus sehinggakan banyak pihak tidak sedar bahawa mereka sebenarnya memegang dan menyebarkan ideologi dalam wacana harian mereka. Situasi yang sama turut berlaku dalam penulisan kesusasteraan (Puurtinen 1998, 2). Menurut Puurtinen (1998, 3) lagi, ideologi dikodkan dalam bentuk penggunaan bahasa dan setiap pilihan yang dibuat oleh penulis boleh membentuk dan mengekalkan kepercayaan, nilai dan hubungan kuasa.

Sebagai satu cabang dalam bidang bahasa, penterjemahan juga tidak dapat dipisahkan dengan ideologi. Antara sarjana yang membincangkan perkaitan antara ideologi dan penterjemahan ialah Lefevere (1992), Hatim dan Mason (1997) dan Venuti (2008). Lefevere (1992, 9) telah mempelopori konsep penulisan semula atau *re-writing* kerana menurut beliau penulisan semula telah membolehkan banyak bahan kepustakaan dan kesusasteraan terus hidup dan boleh disampaikan kepada khalayak yang lebih ramai. Sebagai penggerak evolusi bidang kesusasteraan, penulisan semula berlaku dalam pelbagai bentuk, antaranya penyuntingan, penyusunan antologi dan penterjemahan. Antara ketiga-tiga bentuk tersebut, penterjemahan merupakan satu bentuk penulisan semula (*re-writing*) yang paling utama dan paling jelas. Penulisan semula bersifat manipulatif kerana membina suatu imej atau gambaran tentang penulis asal, karya asal, latar atau tempoh. Penulisan semula juga mempengaruhi penerimaan khalayak yang disasarkan. Sebagai contoh, penterjemahan novel *Salina* ke dalam bahasa Inggeris oleh Harry Aveling dan Hawa Abdullah menghasilkan semula karya asal dalam dua bentuk yang berbeza lantas mengakibatkan penerimaan terhadap dua hasil penterjemahan ini juga berlainan.

Proses penulisan semula dipengaruhi oleh dorongan atau kekangan ideologi semasa dalam masyarakat. Ideologi ialah salah satu daripada tiga elemen yang membentuk naungan atau *patronage* dalam sesebuah sistem kesusasteraan (Lefevere 1992, 16). Dua elemen lain adalah faktor ekonomi dan status. Naungan merupakan antara dua faktor utama yang mengawal sistem kesusasteraan termasuklah penterjemahan kesusasteraan untuk memastikan sistem kesusasteraan tidak terpesong jauh daripada sistem-sistem lain dalam masyarakat (Lefevere 1992, 14). Selain naungan, golongan profesional turut memainkan peranan utama dalam mengawal sistem kesusasteraan. Golongan profesional ini terdiri daripada pengkritik, pengulas, guru dan penterjemah. Walaupun demikian, peranan golongan profesional sebenarnya masih tertakluk atau terhad kepada parameter yang ditetapkan oleh faktor naungan. Dalam kata lain, faktor ideologi serta faktor ekonomi dan status mempengaruhi kuasa yang dimiliki oleh golongan profesional.

Hatim dan Mason (1997) juga berkongsi pendapat yang sama dengan Lefevere berkenaan aktiviti penterjemahan yang dikatakan tidak dapat lari daripada manipulasi. Menurut mereka, penterjemahan tidak mungkin dijalankan secara neutral atau tanpa apa-apa kecenderungan (Hatim dan Mason 1997, 120). Mereka berpendapat bahawa pengkaji boleh membuat andaian tentang motif atau kecenderungan penterjemah sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan bahawa penterjemahan bagi mana-mana elemen linguistik telah dilakukan menggunakan strategi khusus secara berterusan seperti yang diterangkan dalam petikan berikut:

It is only when evidence of this kind is part of a discernible trend, reflected in the way a whole range of linguistic features are treated in a particular translation, that the analyst may claim to detect an underlying motivation or orientation on the part of the translator. In effect, the discernible trend may be seen in terms of degrees of mediation, that is, the extent to which translators intervene in the transfer process, feeding their own knowledge and beliefs into their processing of a text. The formal relaying of recurrence would thus be part of a global text strategy, characterized by greater or lesser degrees of mediation. (Hatim dan Mason 1997, 122)

Hatim dan Mason (1997) juga telah membezakan antara dua konsep, iaitu ideologi penterjemahan dan penterjemahan ideologi. Ideologi penterjemahan merujuk faktor yang mendorong dan mempengaruhi sesuatu aktiviti penterjemahan. Sebagai contoh, faktor seperti ideologi kerajaan mempengaruhi pemilihan judul-judul karya yang akan diterjemahkan. Faktor ini juga menentukan sama ada penterjemahan dijalankan secara literal atau bebas. Penterjemahan ideologi pula merujuk cara ideologi dalam teks asal dipindahkan ke dalam teks sasaran melalui penterjemahan. Sebagai contoh, teks asal ucapan yang bertujuan untuk meyakinkan pendengar boleh berubah menjadi teks sekadar untuk menyampaikan maklumat melalui penterjemahan. Dalam situasi ini, ideologi dalam teks asal tidak dikekalkan dalam penulisan semula.

Venuti (2008) juga membincangkan perkaitan antara strategi penterjemahan dengan faktor ideologi. Beliau menerangkan bagaimana penterjemahan di Amerika Syarikat dan United Kingdom didominasi oleh strategi berorientasikan sasaran (*domestication*) disebabkan oleh penekanan yang diberikan kepada konsep kelancaran (*fluency*) dan ketertampakan penterjemah (*translator's invisibility*) dalam hasil terjemahan di kedua-dua negara ini. Situasi ini terus menyumbang kepada hubungan tidak seimbang antara bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan dengan bahasa-bahasa minoriti lain kerana penerbitan dalam bahasa Inggeris kurang terbuka kepada unsur asing, sedangkan bahasa Inggeris banyak mempengaruhi penerbitan dalam bahasa-bahasa minoriti.

### **Penterjemahan unsur budaya**

Menurut Baker (1992, 21), unsur budaya atau item khusus budaya (*cultural-specific items* [CSI]) merujuk konsep yang asing atau konsep yang tidak wujud dalam budaya sasaran. Baker juga telah membahagikan unsur budaya kepada dua kategori iaitu, abstrak dan konkrit. Espindola (2006, 49–50) pula mencadangkan klasifikasi unsur budaya kepada sepuluh kategori, iaitu nama tempat, nama orang, bentuk hiburan, pengangkutan, watak fiksiyen, institusi tempatan, unit dan sistem ukuran, makanan dan minuman, rujukan kesarjanaan dan sambutan keagamaan.

Dalam konteks penterjemahan, unsur budaya merupakan salah satu cabaran utama bagi penterjemah kerana bukan mudah untuk mendapatkan padanan bagi perkara atau objek yang asing dalam budaya sasaran (Larson 1998, 179). Sehubungan itu, kebolehterjemahan unsur budaya telah banyak dibincang dan dikupas oleh sarjana linguistik dan penterjemahan. Sarjana-sarjana seperti Newmark (1981; 1988), Baker (1992) dan Nida (1964) juga telah mengemukakan pelbagai kerangka kerja dan teori penterjemahan unsur budaya.

Kajian tentang penterjemahan aspek budaya telah dijalankan oleh ramai pengkaji dalam bidang penterjemahan kerana pada asasnya penterjemahan melibatkan interaksi antara budaya yang berbeza (Puteri Roslina dan Cho 2015; Brasiené 2013). Penterjemah menangani cabaran menterjemah aspek budaya dengan pelbagai strategi mikro linguistik dan makro linguistik. Strategi mikro dan makro linguistik mencerminkan ideologi dalam sastera kanak-kanak iaitu daripada segi andaian, kepercayaan dan hubungan kuasa yang tersirat (Puurtinen 1998, 1–2). Sehubungan itu, kajian terhadap strategi mikro dan makro-linguistik boleh memberikan asas kepada pengkaji untuk menganalisis implikasi ideologi dalam aktiviti penterjemahan.

### **Latar Belakang Kajian**

Beberapa kajian tentang penterjemahan siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu telah dijalankan. Norizah dan Noraizah (2009) misalnya telah mengkaji tentang penterjemahan elemen frasa kerja. Nurul Huda, Zuraidah dan Rozaimah (2009) pula telah mengkaji tentang aspek budaya dalam penterjemahan bahasa figuratif, tetapi kajian mereka lebih tertumpu kepada prosedur penterjemahan yang digunakan sahaja. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan dengan objektif utama untuk mengkaji tentang faktor ideologi yang mempengaruhi strategi penterjemahan siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu. Sebelum faktor ideologi dikaji, strategi penterjemahan unsur budaya diteliti terlebih dahulu bagi membuat kesimpulan tentang strategi umum yang digunakan dalam menterjemahkan siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu. Kecenderungan untuk mengekalkan unsur budaya teks asal dalam teks terjemahan menunjukkan strategi yang berorientasikan sumber atau *foreignisation* manakala kecenderungan untuk menggantikan atau menghilangkan unsur budaya daripada teks asal dalam teks terjemahan menunjukkan strategi berorientasikan sasaran atau *domestication*.

### **Metodologi Kajian**

Menurut Saldanha dan O'Brien (2014, 50), "broadly speaking, research on translated texts can be carried out with a descriptive/explanatory or an evaluative

purpose in mind". Kajian ini merupakan kajian bersifat deskriptif yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan prosedur penterjemahan unsur budaya dalam siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah perbandingan teks untuk mengenal pasti prosedur penterjemahan yang digunakan. Analisis perbandingan ini juga membolehkan pengkaji menentukan strategi keseluruhan yang digunakan serta kesan penggunaan prosedur dan strategi tersebut dalam konteks kehilangan dalam terjemahan (*translation loss*). Kajian ini juga bertujuan memperincikan faktor ideologi dan kuasa mempengaruhi strategi yang digunakan oleh penterjemah, dan juga bagaimana prosedur dan strategi penterjemahan kata nama khas yang digunakan oleh penterjemah mempengaruhi pemindahan unsur ideologi daripada teks sumber kepada teks terjemahan.

Bagi tujuan tersebut, siri *Harry Potter* yang ditulis oleh J.K. Rowling dan diterbitkan oleh Bloomsbury Publishing dipilih untuk tujuan kajian. Siri ini dipilih disebabkan faktor popularitinya sebagai satu fenomena dalam sastera kanak-kanak moden. Siri *Harry Potter* telah diterjemahkan ke dalam lebih 70 bahasa dengan lebih 450 juta cetakan di seluruh dunia dan mempunyai pengaruh yang besar bukan sahaja dalam industri buku kanak-kanak, malah dalam bidang kesusasteraan secara keseluruhannya. Siri ini yang sarat dengan identiti dan ideologi Inggeris juga menjadikan karya ini sangat sesuai sebagai sumber kajian tentang budaya. Siri ini terdiri daripada tujuh buah buku yang berjudul *Harry Potter and the Philosopher's Stone* (1997), *Harry Potter and The Chamber of Secrets* (1998), *Harry Potter and the Prisoner of Azkaban* (1999), *Harry Potter and The Goblet of Fire* (200), *Harry Potter and The Order of Phoenix* (2003), *Harry Potter and The Half-Blood Prince* (2005) dan *Harry Potter and The Deathly Hallows* (2007). Buku-buku ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diterbitkan oleh Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. Judul-judul terjemahan bahasa Melayu ialah *Harry Potter dengan Batu Azimat* (2002), *Harry Potter dan Bilik Rahsia* (2002), *Harry Potter dengan Banduan Azkaban* (2004), *Harry Potter dalam Piala Api* (2005), *Harry Potter dalam Kumpulan Phoenix* (2005), *Harry Potter dengan Putera Berdarah Kacukan* (2006) dan *Harry Potter dengan Azimat Maut* (2008). Walaupun demikian, nama penterjemah tidak dipaparkan pada mana-mana bahagian dalam teks terjemahan ini.

Berdasarkan teks-teks sumber yang dipilih, unsur budaya telah dikenal pasti secara manual dan secara rawak daripada ketujuh-tujuh judul dalam siri *Harry Potter* berasaskan definisi unsur budaya oleh Aixela (1996). Padanan bagi kata nama khas ini juga dikenal pasti daripada teks terjemahannya dalam bahasa Melayu. Setelah dikenal pasti, unsur budaya dalam teks asal dan padanannya dalam teks terjemahan disenaraikan. Untuk tujuan kajian ini, klasifikasi unsur budaya oleh Aixela (1996) digunakan. Aixela (1996, 59) membahagikan strategi penterjemahan



unsur budaya kepada dua kategori utama iaitu (1) kata nama khas (*proper names*) dan (2) ungkapan umum (*common expressions*). Kata nama khas terdiri daripada nama-nama yang tiada makna dan juga nama-nama yang sarat dengan konotasi atau kaitan dengan sejarah dan budaya sesuatu masyarakat. Contoh kata nama khas termasuklah nama orang (seperti Ali, Hasnah, Hemalatha dan Chong), nama tempat (seperti Alor Setar, Johor dan Selat Melaka) dan nama perayaan (seperti Aidilfitri, Deepavali dan Hari Gawai). Ungkapan umum pula terdiri daripada perkara seperti objek, institusi, makanan dan sebagainya yang tidak boleh diklasifikasikan sebagai kata nama khas. Unsur ini termasuk nama makanan (seperti rendang, laksa dan serunding), pakaian (seperti baju kurung, baju melayu, sampin, cheongsam dan sari) dan unit ukuran (sehasta, kati, relung dan bidang).

Newmark (1981, 1988), Ivir (1987) dan Hervey dan Higgins (1992) telah mengemukakan prosedur penterjemahan untuk menterjemah unsur budaya. Bagi tujuan kajian ini, model prosedur penterjemahan unsur budaya oleh Ivir (1987) telah dipilih. Tujuh prosedur penterjemahan unsur budaya yang dikemukakan oleh Ivir (1987) terdiri daripada peminjaman (*borrowing*), penerangan (*definition*), terjemahan literal (*literal translation*), penggantian (*substitution*), penciptaan leksikal (*lexical creation*), pengguguran (*omission*) dan penambahan (*addition*). Melalui prosedur peminjaman, unsur budaya dalam teks sumber dikekalkan dalam teks sasaran. Menurut Ivir, prosedur ini digunakan jika budaya sasaran terbuka untuk menerima unsur-unsur budaya asing. Dalam prosedur penerangan pula, penterjemah menerangkan sesuatu unsur budaya sama ada dalam teks atau melalui penerangan tambahan seperti nota kaki. Terjemahan literal pula melibatkan penterjemahan perkataan demi perkataan bagi unsur atau konsep budaya yang asing dalam teks sasaran. Prosedur penggantian boleh digunakan apabila terdapat kesamaan dalam budaya sasaran yang boleh menggantikan unsur budaya dalam teks asing. Dalam penciptaan leksikal, penterjemah mencipta perkataan baharu untuk menterjemah unsur asing daripada teks sumber. Melalui prosedur pengguguran, penterjemah menggugurkan unsur budaya asing dalam teks terjemahan. Dalam prosedur penambahan pula, penterjemah menambah maklumat kepada unsur budaya asing yang dibawa ke dalam teks terjemahan. Maklumat ini lazimnya disampaikan secara tidak langsung atau secara tersembunyi dalam teks sumber.

Strategi penterjemahan secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua kategori seperti yang dikemukakan oleh Venuti (2008) iaitu, strategi penterjemahan berunsur tempatan (*domestication*) yang berorientasikan sasaran dan strategi penterjemahan berunsur asing (*foreignisation*) yang berorientasikan sumber. Melalui strategi penterjemahan berunsur tempatan, terjemahan yang dihasilkan menjadi seperti karya asal. Antara ciri utama strategi ini ialah penggantian realia atau objek budaya daripada budaya sumber dengan realia daripada budaya sasaran serta adaptasi



sistem wacana atau gaya bahasa supaya menepati gaya dan sistem bahasa sasaran. Melalui strategi penterjemahan berunsur asing pula, identiti budaya sumber seperti objek, konsep, sistem wacana dikekalkan dan hasilnya jelas kepada pembaca teks terjemahan bahawa teks tersebut ialah teks asing yang dipindahkan ke dalam bahasa sasaran (Shuttleworth and Cowie 1997, 44). Dickins (2012) dan Qafzezi (2013) telah mengklasifikasikan prosedur penterjemahan budaya Ivir mengikut strategi penterjemahan berunsur tempatan dan strategi penterjemahan berunsur asing oleh Venuti (2008). Model klasifikasi pendekatan penterjemahan Qafzezi (2013) telah dipilih untuk tujuan kajian ini, dan digambarkan melalui Jadual 1 berikut:

**Jadual 1.** Model klasifikasi pendekatan penterjemahan oleh Qafzezi (2013)

<i>Domestication</i>		<i>Foreignisation</i>	
1.	Pengguguran	1.	Peminjaman
2.	Penggantian	2.	Terjemahan literal
3.	Penciptaan leksikal	3.	Penerangan
		4.	Penambahan

Akhir sekali, analisis dijalankan bagi meneliti implikasi ideologi dan kuasa terhadap strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu. Analisis juga dilakukan bagi menerangkan implikasi daripada penterjemahan unsur budaya terhadap pemindahan ideologi daripada teks sumber ke dalam teks sasaran. Analisis perbincangan ini dijalankan berdasarkan perbincangan Hatim dan Mason (1997), Venuti (2008) dan Lefevre (1992) berkenaan perkaitan antara ideologi dan penterjemahan.

### **Analisis Data dan Dapatan**

Unsur-unsur budaya yang telah dikenal pasti dikelas kepada dua kategori utama iaitu, kata nama khas dan ungkapan umum seperti yang berikut.

#### **Penterjemahan unsur budaya: Kata nama khas (*Proper names*)**

Sebanyak 42 kata nama khas telah dikenal pasti dan diklasifikasi kepada tujuh kategori iaitu, (1) nama orang, (2) nama makhluk ajaib dan nama timangan binatang peliharaan, (3) nama tempat, (4) nama sumpahan, (5) nama bahasa ajaib, (6) nama peristiwa dan perayaan dan (7) nama rancangan televisyen. Dapatan kajian menunjukkan prosedur peminjaman paling banyak digunakan untuk menterjemah unsur budaya kategori kata nama khas. Melalui prosedur peminjaman, unsur budaya dalam teks sumber dikekalkan dalam teks sasaran. Menurut Ivir, prosedur ini digunakan jika budaya sasaran terbuka untuk menerima unsur-unsur budaya asing. Penerangan dan penambahan membentuk peratusan kecil daripada keseluruhan

prosedur penterjemahan kata nama khas. Seperti dalam Jadual 2, strategi yang digunakan untuk menterjemah kata nama khas ternyata berorientasikan sumber atau strategi terjemahan berunsur asing.

**Jadual 2.** Strategi penterjemahan unsur budaya: Kata nama khas

Kecenderungan Strategi	Berorientasikan Sasaran ( <i>Domestication</i> )			Berorientasikan Sumber ( <i>Foreignisation</i> )			
	Penggantian	Pengguguran	Penciptaan Leksikal	Peminjaman	Terjemahan Literal	Penerangan	Penambahan
Unsur budaya	2	0	0	37	0	1	2
Peratus	2%	0%	0%	88%	0%	2%	5%
Jumlah	2			40			
Peratus	5%			95%			

### *Nama orang*

Nama-nama dalam novel *Harry Potter* menggambarkan ciri identiti British yang sangat jelas. Sebagai contoh, nama Harry dan Ron seperti yang terdapat dalam Jadual 3 ialah nama lazim bagi kanak-kanak lelaki di Britain (Brøndsted dan Dollerup 2004, 5–6). Selain penggunaan nama-nama biasa dalam masyarakat di Britain, Rowling juga banyak menggunakan nama watak yang simbolik kepada latar masyarakat British seperti agama Kristian, sejarah, status sosial dan karya klasik (Saxena 2012, 48). Nama *Harry* misalnya, selain merupakan satu nama biasa bagi masyarakat British, nama tersebut juga sebenarnya sinonim dengan keturunan diraja British (Saxena 2012, 48). Nama keluarga *Weasley* pula, menurut Rowling, berasal daripada nama sejenis binatang daripada keluarga memberang atau *weasel* dalam bahasa Inggeris yang dipandang rendah oleh masyarakat di Britain dan Ireland tetapi disayangi oleh Rowling sendiri (Spencer 2005). Dalam novel *Harry Potter*, keluarga Weasley dipandang rendah oleh keluarga sihir yang lain disebabkan kemiskinan mereka namun keluarga ini sangat disayangi oleh watak Harry Potter. Pembaca dewasa dari Britain lazimnya mengenali nama *Hermione* yang juga merupakan nama watak permaisuri dalam karya klasik William Shakespeare, *The Winter's Tale* (Brøndsted dan Dollerup 2004, 5).

Selain daripada karya klasik, nama-nama yang diguna oleh Rowling juga banyak dipengaruhi oleh mitos dan bahasa-bahasa moden dan lama dari seluruh Eropah seperti bahasa Latin dan bahasa Perancis. *Sirius* yang merupakan nama bagi watak ayah angkat Harry Potter berasal daripada bahasa Yunani. Nama ini merujuk nama bintang paling cerah di langit. *Remus* pula ialah nama dalam mitos terkenal dari Rom tentang sepasang kembar, Romulus dan Remus yang dibesarkan oleh serigala (Garcia, 2013). Nama ini sangat sesuai dengan watak Remus Lupin yang merupakan serigala jadian dalam novel ini. *Lupin* juga ialah satu bentuk lain

bagi perkataan *lupus* iaitu perkataan dalam bahasa Latin yang membawa maksud “serigala” (*Latin-dictionary.org* 2015).

*Albus* pula bermaksud “putih” dalam bahasa Latin (*Latin-dictionary.org* 2015). Watak Albus Dumbledore mempunyai janggut dan rambut panjang berwarna putih dan beliau sangat kuat menentang penggunaan ilmu hitam dan sihir jahat. *Dumbledore* pula ialah perkataan dalam bahasa Inggeris lama untuk *bumblebee*, sejenis lebah yang berdengung dengan kuat, sesuai dengan watak Dumbledore yang ceria dan sangat gemar bersenandung muzik (Rowling 1999). Dalam bahasa Inggeris lama juga, *hagrid* pula digunakan apabila seseorang melalui malam yang buruk, seperti diterangkan oleh Rowling dalam petikan berikut, “Hagrid is also another old English word meaning if you were *hag-rid*, it’s a dialect word meaning you’d had a bad night. Hagrid’s a big drinker. He has a lot of bad nights.” (Rowling 1999).

*Draco* bermaksud naga atau ular dalam bahasa Latin (*Latin-dictionary.org* 2015). Nama ini sesuai dengan watak Draco Malfoy yang bersifat bengis dan kasar. Nama keluarga *Malfoy* bermaksud kepercayaan atau niat yang jahat dalam bahasa Perancis lama (Rowling 1999). Hal ini sesuai dengan perwatakan keluarga ini yang mengikuti amalan ilmu hitam dan sihir jahat. Satu lagi nama yang berasal daripada bahasa Latin ialah nama *Severus* yang bermaksud tegas dan keras (*Latin-dictionary.org* 2015). Sifat ini sememangnya sifat paling jelas bagi watak Severus Snape, yang juga dikenali dalam buku ini sebagai Profesor Snape. Snape ialah nama sebuah pekan kecil di Suffolk, England (Brøndsted dan Dollerup 2004, 7).

Penggunaan prosedur peminjaman untuk menterjemah nama-nama watak dalam novel ini adalah sangat ketara, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3. Semua nama yang disenaraikan telah diterjemah menggunakan prosedur peminjaman secara sepenuhnya dan sehubungan itu, unsur asing telah dikekalkan dalam teks terjemahan.

**Jadual 3.** Prosedur penterjemahan nama orang

	Teks Sumber	Teks Terjemahan	Prosedur Ivir (1987)
1	<i>Harry Potter</i>	Harry Potter	Peminjaman
2	<i>Ron Weasley</i>	Ron Weasley	Peminjaman
3	<i>Hermione Granger</i>	Hermione Granger	Peminjaman
4	<i>Sirius Black</i>	Sirius Black	Peminjaman
5	<i>Remus Lupin</i>	Remus Lupin	Peminjaman
6	<i>Draco Malfoy</i>	Draco Malfoy	Peminjaman

(bersambung)

**Jadual 3.** (sambungan)

	<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Terjemahan</b>	<b>Prosedur Ivir (1987)</b>
7	<i>Severus Snape</i>	Severus Snape	Peminjaman
8	<i>Hagrid</i>	Hagrid	Peminjaman
9	<i>Albus Dumbledore</i>	Albus Dumbledore	Peminjaman
10	<i>Minerva McGonagall</i>	Minerva McGonagall	Peminjaman

### ***Nama makhluk ajaib dan nama timangan binatang peliharaan***

Pengaruh agama, mitos dan hikayat yang sinonim dengan masyarakat British juga tergambar melalui nama-nama makhluk ajaib dan binatang dalam novel ini. Hedwig ialah nama burung hantu milik Harry Potter yang berasal daripada nama seorang santa wanita Zaman Pertengahan dari Jerman (Rowling, 2000). Sementara itu, nama burung hantu milik Percy Weasley iaitu Hermes berasal daripada nama dewa terkenal dalam mitos Yunani (*greekmythology.com* 2015). Nama Nagini untuk ular jadian milik Voldemort pula berasal daripada nama dewi separa ular dan separa manusia dalam agama Hindu (Begin 2014). Hippogriff yang merupakan makhluk yang dipelihara oleh watak Hagrid ialah makhluk daripada hikayat Eropah (*Encyclopedia Britannica* 2015). Veela pula ialah makhluk daripada hikayat Eropah Timur yang dikatakan sangat cantik dan pandai menari (Vander Ark 2015). Ciri-ciri Hippogriff dan Veela dalam novel *Harry Potter* sama dengan sifat makhluk-makhluk ini dalam hikayat asal. Boggarts, Red Caps, Hinkypunks dan Grindylows merupakan makhluk jahat dalam cerita rakyat atau hikayat Eropah, terutamanya di England, Ireland dan Scotland, manakala Kappas ialah makhluk jahat dalam hikayat Jepun (Alton 2008, 217). Semua makhluk ini juga merupakan makhluk jahat dalam buku *Harry Potter*. Menurut Rowling (2001), nama Dementors berasal daripada perkataan *demento* dalam bahasa Latin yang bermaksud “menjadi gila” (*Latin-dictionary.org* 2015). Dalam novel *Harry Potter*, Dementors ialah makhluk yang sangat ditakuti kerana makhluk ini menjadikan mangsanya gila dengan mencabut jiwa dan semua memori indah. Hampir semua nama ini telah dipindahkan ke dalam teks sasaran menggunakan prosedur peminjaman sepenuhnya. Walaupun demikian, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4, tanda jamak “s” pada item 7 hingga 10 telah digugurkan dalam teks sasaran supaya sesuai dengan sistem tatabahasa Melayu.

**Jadual 4.** Prosedur penterjemahan nama makhluk ajaib dan nama timangan binatang peliharaan

	Teks Sumber	Teks Terjemahan	Prosedur Ivir (1987)
1	<i>Hedwig</i>	Hedwig	Peminjaman
2	<i>Hermes</i>	Hermes	Peminjaman
3	<i>Nagini</i>	Nagini	Peminjaman
4	<i>Dobby</i>	Dobby	Peminjaman
5	<i>Hippogriff</i>	Hippogriff	Peminjaman
6	<i>Veela</i>	Veela	Peminjaman
7	<i>Boggarts</i>	Boggart	Peminjaman
8	<i>Red Caps</i>	Red Cap	Peminjaman
9	<i>Hinkypunks</i>	Hinkypunk	Peminjaman
10	<i>Dementors</i>	Dementor	Peminjaman

### *Nama tempat*

*Diagon Alley* ialah satu bentuk mainan kata dalam bahasa Inggeris, iaitu daripada perkataan *diagonally* yang boleh merujuk rupa bentuk jalan tersebut (Spencer 2005). *Privet Drive* bermaksud *hedge* dalam bahasa Inggeris dan merujuk kepada kelampauan dalam keteraturan dan kekangan di pinggir bandar England pada tahun 1940-an hingga 1960-an (Jentsch 2006, 205). *Stoatshead Hill* ialah bukit yang terletak berhampiran dengan kediaman keluarga Weasley iaitu The Burrow. *Stoat* ialah sejenis binatang dalam keluarga binatang memberang atau wesel (*weasel*) (Pusat Rujukan Persuratan Melayu 2015). *Burrow* pula bermaksud lubang yang digali oleh binatang untuk dijadikan rumah. Oleh itu, terdapat perkaitan antara The Burrow dengan maksud nama keluarga Weasley yang berasal daripada perkataan *weasel*. *Flourish and Blotts Bookshop* juga merupakan mainan kata yang bijak kerana *flourish* merujuk seni tulisan bersambung dan *blot* merujuk titisan dakwat (Stouffer 2007, 101). Dalam bahasa Inggeris, *ingots* merujuk jongkong emas. Menurut Rowling (2005), beliau menambah gugusan awal “gr” untuk menghasilkan nama Gringotts kerana beliau merasakan penambahan ini dapat mewujudkan bunyi yang agak menakutkan, “So I really combined *Gringotts*. I just thought it sounded that little bit intimidating, but it had that allusion to gold in it”. Gringotts ialah bank dalam alam sihir Harry Potter dan simpanan di Gringotts yang lazimnya berbentuk syiling emas. Suasana bank ini juga agak menakutkan. Nama-nama tempat juga hampir semua dipindahkan ke dalam teks sasaran dengan menggunakan prosedur peminjaman, kecuali *Hogwarts School of Witchcraft and Wizardry*, *Flourish and Blotts bookshop* dan *The Salem Witches’ Institute* yang

diterjemahkan menggunakan gabungan prosedur peminjaman dan terjemahan literal. Terdapat juga unsur generalisasi dalam prosedur yang digunakan untuk menterjemahkan nama *Hogwarts School of Witchcraft and Wizardry* dan *The Salem Witches' Institute* kerana dalam bahasa Inggeris terdapat istilah khusus untuk ahli sihir wanita (*witch*) dan lelaki (*wizard*). Penterjemah telah menggunakan padanan yang lebih umum dalam teks terjemahan.

**Jadual 5.** Prosedur penterjemahan nama tempat (termasuk institusi dan bangunan)

	Teks Sumber	Teks Terjemahan	Prosedur Ivir (1987)
1	<i>Diagon Alley</i>	Diagon Alley	Peminjaman
2	<i>Privet Drive</i>	Privet Drive	Peminjaman
3	<i>The Burrow</i>	Burrow	Peminjaman
4	<i>Little Whinging, Surrey</i>	Little Whinging, Surrey	Peminjaman
5	<i>Gringotts</i>	Gringotts	Peminjaman
6	<i>Stoatshead Hill</i>	Bukit Stoatshead	Peminjaman
7	<i>King's Cross</i>	Stesen King Cross	Penambahan
8	<i>Hogwarts School of Witchcraft and Wizardry</i>	Sekolah Sihir Hogwarts	Peminjaman
9	<i>Smeltings</i>	Smeltings	Peminjaman
10	<i>Stonewall High</i>	Stonewall High	Peminjaman
11	<i>Flourish and Blotts bookshop</i>	Kedai Buku Florish dan Blotts	Peminjaman
12	<i>The Salem Witches' Institute</i>	Institut Ahli Sihir Salem	Peminjaman

### *Nama sumpahan*

Salah satu daripada nama sihir yang dipengaruhi oleh bahasa Latin ialah *Imperius curse* yang merupakan sihir hitam dalam novel *Harry Potter*. Setelah terkena sumpahan ini, mangsa terpaksa mematuhi semua perintah ahli sihir yang mengenakan sumpahan tersebut. Menurut Spencer (2005), *impero* bermaksud “untuk mengarahkan” dan *imperium* bermaksud “penguasaan penuh” dalam bahasa Latin. Dalam bahasa Inggeris juga, *imperative* merujuk perintah yang harus diikuti (*Pusat Rujukan Persuratan Melayu* 2015). Satu lagi contoh nama sihir dengan pengaruh Latin ialah *Cruciatus Curse*. Sesiapa yang terkena sumpahan ini akan merasa seksa kesakitan yang melampau. *Crucio* ialah perkataan Latin yang bermaksud *to torture* atau “menyeksa” (*Latin-dictionary.org* 2015). Dalam bahasa Inggeris juga, *excruciating* bermaksud “kesakitan yang tidak tertahan” (*Pusat Rujukan Persuratan Melayu* 2015). *Avada Kedavra* iaitu, sihir yang membunuh mangsanya yang berasal daripada sihir purba bahasa Aramia yang bermaksud

“musnahkan”. Sihir ini lebih dikenali sekarang dengan nama *abracadabra* (Rowling 2004). Ketiga-tiga nama sihir ini juga diterjemah menggunakan prosedur peminjaman.

**Jadual 6.** Prosedur penterjemahan nama sumpahan

	Teks Sumber	Teks Terjemahan	Prosedur Ivir (1987)
1	<i>Avada Kedavra</i>	Avada Kedavra	Peminjaman
2	<i>Imperius curse</i>	Sumpahan Imperius	Peminjaman
3	<i>Cruciatus curse</i>	Sumpahan Cruciatus	Peminjaman

### ***Nama bahasa ajaib***

*Troll* ialah makhluk daripada mitos negara barat yang dikenali dengan sifatnya yang kasar dan liar. Penterjemah telah memindahkan nama bahasa *Troll* menggunakan prosedur peminjaman. *Mermish* pula ialah bahasa yang digunakan oleh *Merpeople* yang merupakan sejenis makhluk ajaib dalam alam Harry Potter yang agak serupa dengan duyung yang juga terkenal dalam mitos dan legenda Melayu. Oleh itu, penterjemah telah menggunakan prosedur penggantian untuk menterjemahkan nama bahasa ini menjadi “bahasa Duyung”. *Gobbledegook* pula berasal daripada perkataan *gobbledygook* dalam bahasa Inggeris yang bermaksud percakapan yang tidak boleh difahami seperti merepek atau meracau. Penterjemah telah menggunakan prosedur penerangan untuk menterjemah bahasa *Gobbledegook* menjadi “bahasa Berbelit” yang menjelaskan sifat bahasa tersebut.

**Jadual 7.** Prosedur penterjemahan nama bahasa ajaib

	Teks Sumber	Teks Terjemahan	Prosedur Ivir (1987)
1	<i>Troll</i>	Bahasa Troll	Peminjaman
2	<i>Mermish</i>	Bahasa Duyung	Penggantian
3	<i>Gobbledegook</i>	Bahasa Berbelit	Penerangan

### ***Nama peristiwa dan perayaan***

Walaupun alam sihir *Harry Potter* dicipta oleh Rowling, alam ini banyak disandarkan kepada latar masyarakat di Britain. Oleh sebab itu, perayaan yang disambut dalam novel ini ialah perayaan utama yang disambut oleh masyarakat di Britain seperti yang disenaraikan dalam Jadual 8. Perayaan *Halloween* dan *April Fool* bukan perayaan yang diraikan oleh masyarakat Melayu dan tiada



padanan sedia ada yang sesuai, maka penterjemah telah menggunakan prosedur peminjaman untuk memindahkan kedua-dua perayaan ini ke dalam teks sasaran. *Yule* dalam *Yule Ball* telah digantikan dengan Krismas kerana perayaan Krismas lebih dikenali dan difahami oleh masyarakat Melayu di Malaysia.

**Jadual 8.** Prosedur penterjemahan nama peristiwa dan perayaan

	<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Terjemahan</b>	<b>Prosedur Ivir (1987)</b>
1	<i>Hallowe'en</i>	Halloween	Peminjaman
2	<i>Yule Ball</i>	Majlis Tari Menari Krismas	Penggantian
3	<i>April Fool's Day</i>	Hari April Fool	Peminjaman

### ***Nama rancangan televisyen***

Dalam buku pertama siri *Harry Potter* iaitu, *Harry Potter and The Philosopher's Stone*, watak sepupu Harry Potter iaitu, Dudley digambarkan sebagai penggemar tegar rancangan televisyen. Dalam satu babak dalam buku tersebut, Dudley telah merujuk rancangan kegemarannya tanpa menyebut dengan khusus bahawa nama tersebut ialah nama rancangan televisyen. Nama rancangan tersebut telah dikekalkan dalam teks terjemahan, tetapi penterjemah juga telah menambah perkataan “rancangan” kepada nama itu supaya perkara yang dirujuk oleh watak tersebut juga jelas bagi pembaca teks terjemahan. Rancangan televisyen ini hanyalah rekaan Rowling semata-mata, namun *Humberto* ialah nama yang mempunyai asal usul barat yang tidak boleh diterjemah secara langsung ke dalam bahasa Melayu.

**Jadual 9.** Prosedur penterjemahan nama rancangan televisyen

	<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Terjemahan</b>	<b>Prosedur Ivir (1987)</b>
1	<i>The Great Humberto</i>	Rancangan The Great Humberto	Penambahan

### **Penterjemahan unsur budaya: Ungkapan umum (*Common expressions*)**

Sebanyak 42 ungkapan umum telah dikenal pasti dan dikelaskan kepada lima kategori iaitu, nama makanan dan minuman, mata wang, pakaian, istilah sekolah dan objek. Berbanding dengan kata nama khas yang hampir kesemuanya dipindahkan ke dalam teks sasaran menggunakan prosedur peminjaman, prosedur yang digunakan untuk menterjemahkan ungkapan umum dalam novel *Harry Potter* ini adalah lebih pelbagai. Walaupun demikian, strategi penterjemahan

secara keseluruhannya masih berorientasikan sumber, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 10.

**Jadual 10.** Strategi penterjemahan unsur budaya: Ungkapan umum

Kecenderungan Strategi	Berorientasikan Sasaran ( <i>Domestication</i> )			Berorientasikan Sumber ( <i>Foreignisation</i> )			
	Penggantian	Pengguguran	Penciptaan Leksikal	Peminjaman	Terjemahan Literal	Penerangan	Penambahan
Unsur budaya	10	2	0	8	7	13	2
Peratus	24%	5%	0%	19%	17%	30%	5%
Jumlah	12			30			
Peratus	29%			71%			

### *Nama makanan dan minuman*

Antara prosedur utama yang digunakan untuk menterjemah nama makanan dalam novel *Harry Potter* ialah prosedur penterjemahan literal. Disebabkan makanan ini merupakan makanan barat yang tiada padanan sejadi dalam bahasa Melayu, jelas bahawa makanan-makanan ini ialah unsur asing dalam teks sasaran. Sebagai contoh, *sherbet lemon* diterjemah menjadi “lemon serbat” dan *pumpkin pasty* menjadi “karipap labu”. Kedua-dua lemon serbat dan karipap labu bukan makanan yang dikenali masyarakat Melayu. Daging khinzir pula merupakan suatu tabu dalam masyarakat Melayu Islam dan dapatan kajian ini menunjukkan penterjemah tidak menggunakan nama daging khinzir dalam terjemahannya. Sebaliknya, padanan yang lebih umum seperti “daging” atau penterjemahan literal “bakon” digunakan. Malah, *pork chops* telah digugurkan dalam teks sasaran. Penterjemah juga menggantikan makanan-makanan yang tiada padanan dalam bahasa Melayu, seperti *knickerbocker glory*, sejenis pemanis mulut dengan istilah umum, “makanan”. *Shepherd's pie* digantikan dengan “pai daging”. Pemanis mulut *eclairs* juga tiada padanan dalam bahasa Melayu, dan telah dipindahkan menggunakan prosedur peminjaman. *Edam* pula diterjemahkan menggunakan prosedur penambahan yang memberikan penjelasan bahawa makanan ini merupakan sejenis keju.

**Jadual 11.** Prosedur penterjemahan nama makanan dan minuman

	Teks Sumber	Teks Terjemahan	Prosedur Ivir (1987)
1	<i>Sherbet lemon</i>	Lemon serbat	Terjemahan literal
2	<i>Bacon</i>	Daging	Penggantian
3	<i>Knickerbocker glory</i>	Makanan	Penggantian
4	<i>Pumpkin pasty</i>	Karipap labu	Terjemahan literal
5	<i>Corned beef</i>	Daging masin	Penggantian
6	<i>Pork chops</i>	Digugurkan	Pengguguran

(bersambung)

**Jadual 11.** (sambungan)

	<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Terjemahan</b>	<b>Prosedur Ivir (1987)</b>
7	<i>Bacon and steak</i>	Bakon dan stek	Terjemahan literal
8	<i>Treacle tarts</i>	Tat karamel	Penggantian
9	<i>Chocolate eclairs</i>	Eclair coklat	Peminjaman
10	<i>Trifle</i>	Trifle	Terjemahan literal
11	<i>Shepherd's pie</i>	Pai daging	Penggantian
12	<i>Wine</i>	Wain	Terjemahan literal
13	<i>Brandy</i>	Brandi	Terjemahan literal
14	<i>Edam</i>	Keju Edam	Penambahan

### ***Nama mata wang***

Brasienè (2013) mengklasifikasikan mata wang di bawah kategori Ungkapan Umum. Mata wang dalam alam sihir *Harry Potter* terdiri daripada *Galleon* (emas), *Sickle* (perak) dan *Knut* (gangsa). Mata wang ini ialah rekaan Rowling, tetapi nama-nama ini telah wujud dalam bahasa Inggeris walaupun kaitan antara makna perkataan ini dengan mata wang dalam alam sihir *Harry Potter* adalah tidak jelas. Walaupun demikian, di luar alam sihir, mata wang Britain iaitu, *pence* dan *pound* digunakan. Dalam versi bahasa Melayu, *pence* telah dikekalkan menggunakan prosedur peminjaman. *Pound* juga dikekalkan, namun ejaannya diubah mengikut sistem bahasa Melayu, menjadi *paun*.

**Jadual 12.** Prosedur penterjemahan mata wang

	<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Terjemahan</b>	<b>Prosedur Ivir (1987)</b>
1	<i>Galleons</i>	Galleon emas	Peminjaman
2	<i>Sickles</i>	Sickle perak	Peminjaman
3	<i>Knuts</i>	Knut gangsa	Peminjaman
4	<i>Pence</i>	Pence	Peminjaman
5	<i>Pound</i>	Paun	Peminjaman

### ***Nama pakaian***

Pakaian adalah antara unsur budaya yang paling jelas dalam karya sastera. Penterjemahan pakaian menimbulkan kesukaran bagi penterjemah disebabkan sifatnya yang khusus bagi sesuatu masyarakat, terutama sekali apabila terdapat

perbezaan yang jauh dari segi budaya, cuaca dan sebagainya. Sebagai contoh, *earmuffs* tidak digunakan di Malaysia disebabkan perbezaan cuaca, maka penterjemah menggunakan prosedur penterjemahan literal untuk menterjemah item ini. *Jumper*, sejenis baju sejuk yang disarung tanpa zip dan mempunyai hud kepala, diterjemah secara umum sebagai *baju sejuk*. Item yang lebih asing bagi pembaca Malaysia, iaitu, *tailcoats* dan *knickerbockers* diterjemah menggunakan prosedur penerangan. Masyarakat Britain juga menggunakan pelbagai jenis *robes*, *gown* dan *cloaks* untuk kegunaan dan konteks yang berbeza, dan item-item ini hampir semuanya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai “jubah” seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 13. Prosedur peminjaman juga digunakan, sebagai contoh untuk menterjemah *boaters* dan *wellington boots*.

**Jadual 13.** Prosedur penterjemahan nama pakaian

	<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Terjemahan</b>	<b>Prosedur Ivir (1987)</b>
1	<i>Earmuffs</i>	Penutup telinga	Penerangan
2	<i>Lace handkerchief</i>	Sapu tangan	Pengguguran
3	<i>Jumper</i>	Baju sejuk	Penerangan
4	<i>Tailcoats</i>	Kot yang panjang di belakang	Penerangan
5	<i>Knickerbockers</i>	Seluar pendek berjerut di lutut	Penerangan
6	<i>Boaters</i>	Boater	Peminjaman
7	<i>Plain work robes</i>	Jubah tanpa corak	Penerangan
8	<i>Winter cloaks</i>	Jubah musim sejuk	Penerangan
9	<i>Turban</i>	Serban	Penggantian
10	<i>Dressing-gown</i>	Jubah tidur	Penerangan
11	<i>Cocktail dress</i>	Gaun	Penggantian
12	<i>Dinner jackets</i>	Sut	Penggantian
13	<i>Bow ties</i>	Tali leher kupu-kupu	Penerangan
14	<i>Wellington boots</i>	But wellington	Peminjaman

### ***Istilah sekolah***

Rowling juga menggunakan unsur budaya yang khusus untuk sistem persekolahan di Britain. Dalam versi bahasa Melayu, prosedur penerangan paling kerap digunakan untuk menterjemah istilah-istilah ini. Sekolah-sekolah di Malaysia tidak mempunyai *gamekeeper* dan *caretaker*, dan kedua-dua peranan ini diterjemah sebagai “penjaga”. Penterjemah menggunakan prosedur penerangan yang menjelaskan peranan kedua-dua penjaga ini, iaitu sebagai “penjaga mergastua”

dan “penjaga kawasan sekolah”. Sekolah berasrama di Britain juga mempunyai tradisi sistem *house school* dan sistem ini turut digunakan di sekolah alam sihir *Harry Potter* iaitu, Hogwarts. *House* dalam konteks ini telah diterjemah sebagai pasukan. Pilihan untuk menggunakan “pasukan” agak menarik kerana sekolah di Malaysia juga menggunakan sistem “rumah”, walaupun di Malaysia sistem ini lazimnya terhad kepada pertandingan sukan sahaja.

**Jadual 14.** Prosedur penterjemahan istilah sekolah

	Teks Sumber	Teks Terjemahan	Prosedur Ivir (1987)
1	<i>Local comprehensive</i>	Sekolah menengah aneka jurusan	Penerangan
2	<i>Gamekeeper</i>	Penjaga mergastua	Penerangan
3	<i>House</i>	Pasukan	Penggantian
4	<i>Caretaker</i>	Penjaga kawasan	Penerangan

### ***Nama objek***

Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 15, penterjemah juga menggunakan prosedur penerangan, penggantian dan penambahan untuk menterjemahkan objek dalam siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu. *Mantelpiece* dan *tapestries* yang sinonim dengan latar masyarakat Britain khususnya dalam konteks klasik tidak mempunyai padanan sejadi dalam bahasa Melayu dan diterjemah menggunakan prosedur penerangan. *Goblet* yang merujuk sejenis gelas berkaki panjang dan lazimnya digunakan untuk minum wain oleh masyarakat barat telah diterjemah dengan menggunakan prosedur penggantian, menjadi *piala*. Pilihan ini dilihat kurang sesuai kerana piala tidak digunakan sebagai bekas minuman dalam bahasa Melayu. Hal ini berbeza dengan penggunaan piala sebagai padanan untuk goblet bagi menterjemah tajuk buku keempat dalam siri ini iaitu, *Harry Potter and The Goblet of Fire* menjadi *Harry Potter dalam Piala Api*. Dalam konteks ini, ‘piala’ ialah padanan yang sesuai kerana ‘*goblet*’ dalam tajuk ini merujuk sebuah piala dalam pertandingan sihir dalam buku tersebut. Sementara itu, penambahan digunakan untuk menjelaskan kepada pembaca teks sasaran bahawa *Axminster* merujuk sejenis permaidani.

**Jadual 15.** Prosedur penterjemahan nama objek

	<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Terjemahan</b>	<b>Prosedur Ivir (1987)</b>
1	<i>Mantelpiece</i>	Pendiangan marmar	Penerangan
2	(... <i>drinking from his goblet</i> )	(...minum dari) piala(nya)	Penggantian
3	<i>Goblet of Fire</i>	Piala Api	Penterjemahan literal
4	<i>Tapestries</i>	Permaidani hiasan dinding	Penerangan
5	<i>an Axminster</i>	Permaidani Axminster	Penambahan

### **Penterjemahan unsur budaya: Analisis kekerapan keseluruhan**

Secara keseluruhannya, strategi penterjemahan yang digunakan berorientasikan sumber seperti yang dipaparkan dalam Jadual 16.

Jadual 16 jelas menunjukkan bahawa penterjemahan unsur budaya dalam siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu lebih cenderung kepada berorientasikan teks sumber iaitu sebanyak 84% daripada jumlah keseluruhan. Peratusan yang tinggi yang memihak kepada orientasi teks sumber ini kebanyakannya disumbangkan oleh penterjemahan kata nama khas. Hal ini demikian kerana hampir keseluruhan data yang berkaitan dengan kata nama khas diterjemah dengan menggunakan prosedur peminjaman.

### **Perbincangan**

Berdasarkan kerangka yang dikemukakan oleh Hatim dan Mason (1997), perbincangan tentang dapatan daripada kajian ini akan dibahagikan kepada dua aspek iaitu, ideologi penterjemahan dan implikasi terhadap pemindahan ideologi daripada teks sumber ke dalam teks terjemahan.

**Jadual 16.** Strategi penterjemahan unsur budaya: Analisis keseluruhan

Kecenderungan	Berorientasikan Sasaran (Domestication)			Berorientasikan Sumber (Foreignisation)		
	Penggantian	Pengguguran	Penciptaan Leksikal	Peminjaman	Terjemahan Literal	Penerangan Penambahan
Unsur budaya	11	2	0	47	5	4
Peratus	13%	2%	0%	56%	6%	18%
Jumlah		14			70	
Peratus		15%			85%	



## Ideologi penterjemahan

Dapatan kajian menunjukkan strategi yang digunakan untuk menterjemahkan siri *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu cenderung berorientasikan sumber. Berdasarkan gagasan Lefevere (1992), siri *Harry Potter* ialah satu bentuk penulisan semula yang dihasilkan dengan kekangan atau dorongan ideologi. Teks sumber siri *Harry Potter* ialah teks yang berstatus tinggi. Menurut Idris Mansor (2015, 74), kemasyhuran teks sumber juga merupakan antara faktor yang mendorong penterjemahan menjadi lebih cenderung kepada teks sumber. Realiti ini juga selaras dengan hipotesis yang dikemukakan oleh Pym, Shlesinger dan Jettmarova (2006, 5), “The more X, the more Y”. Semakin tinggi kemasyhuran teks sumber, hasil terjemahan menjadi semakin cenderung kepada teks sumber tersebut. Populariti siri novel ini telah menyebabkan terdapat nama-nama watak yang dilindungi dengan hak cipta. Pemasaran global bagi buku, filem adaptasi, koleksi barangan dan sebagainya daripada francais *Harry Potter* banyak bergantung kepada watak-watak ini. Sehubungan itu, nama mereka tidak boleh diubah oleh mana-mana penterjemah (Goldstein, 2004). Syarikat konglomerat yang memiliki hak cipta bagi francais *Harry Potter* telah menggunakan kuasa sebagai penaung karya ini untuk menentukan strategi penterjemahan yang perlu digunakan oleh penterjemah bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia.

Selain daripada status teks itu sendiri, faktor perbezaan kuasa antara bahasa dan budaya sumber dengan bahasa dan budaya sasaran juga memainkan peranan dalam pemilihan strategi penterjemahan seperti yang didakwa oleh Hatim dan Mason (1997) dan Venuti (2008). Penterjemahan di Amerika Syarikat dan United Kingdom cenderung berorientasikan sasaran disebabkan status dominan bahasa Inggeris yang menyebabkan penerbitan dalam bahasa Inggeris tidak terbuka kepada unsur asing. Sebaliknya, andaian boleh dibuat bahawa sebagai bahasa berstatus minoriti berbanding bahasa Inggeris, bahasa Melayu lebih terdedah kepada pengaruh dengan unsur asing.

Seperti yang disarankan oleh Hatim dan Mason (1997, 122), kecenderungan strategi penterjemahan boleh memberi maklumat tentang situasi dan ideologi dalam masyarakat ketika penterjemahan dijalankan. Sekitar tahun 1970-an hingga 1980-an, pendekatan beorientasikan sasaran lebih cenderung digunakan dalam penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia untuk menghasilkan bahan bacaan yang berlatarkan suasana masyarakat majmuk di Malaysia (Zalina 2006, 346–347). Kerajaan Malaysia pada masa itu perlu segera menyatukan hubungan antara kaum dan mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat. Sehubungan itu, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah. Bagi mengisi keperluan tersebut dan menangani kekurangan bahan

bacaan asal dalam bahasa Melayu, penterjemahan sastera kanak-kanak dilakukan secara besar-besaran.

Kini, penerbitan buku asal dalam bahasa Melayu untuk kanak-kanak sudah jauh berkembang pesat dan tidak lagi perlu bergantung kepada penterjemahan. Situasi sosiopolitik di Malaysia juga lebih stabil dan tidak dibelenggu ketegangan antara kaum. Maka, penterjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu lebih banyak didorong oleh faktor keuntungan kewangan dan populariti sesebuah karya. Penterjemahan karya *Harry Potter* ke dalam bahasa Melayu bukan bertujuan untuk mewujudkan karya dengan identiti masyarakat Malaysia seperti yang berlaku pada tahun 1970-an hingga 1980-an, maka strategi berorientasikan sasaran tidak penting dalam konteks ini tambahan lagi populariti siri *Harry Potter* dalam bentuk buku dan adaptasi filem juga menjadikan siri ini tidak asing dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian pada masa hadapan perlu melibatkan lebih banyak lagi terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu untuk memastikan sama ada terdapat kecenderungan menyeluruh ke arah strategi berorientasikan sumber atau trend dalam penterjemahan siri *Harry Potter* ini hanya merupakan kes terencil.

### **Implikasi pemindahan ideologi daripada teks sumber ke dalam teks sasaran**

Boleh dikatakan bahawa kesemua kata nama khas yang digunakan dalam siri *Harry Potter* mempunyai ideologi dan maksud tertentu yang kebanyakannya merujuk pengaruh agama, mitos dan hikayat yang sinonim dengan masyarakat British. Kata nama-kata nama khas ini sengaja digunakan oleh penulis J.K. Rowling bagi tujuan mengetengahkan ideologi beliau yang berkait rapat dengan budaya Inggeris dan Eropah kepada khalayak pembaca sasaran. Dalam hal ini, keputusan yang diambil oleh penterjemah untuk meminjam perkataan-perkataan tersebut ke dalam bahasa Melayu secara tidak langsung menunjukkan bahawa ideologi yang terkandung di sebalik nama-nama tersebut turut dikekalkan dalam teks sasaran. Walaupun demikian, kesannya kepada pembaca teks sumber dan teks terjemahan adalah berbeza kerana dua khalayak ini mempunyai latar belakang sosiobudaya yang berbeza yang seterusnya akan mempengaruhi cara mereka memahami dan menerima teks ini. Sebagai contoh, maksud tersirat dan elemen humor, sinis serta permainan perkataan yang terdapat dalam penggunaan nama dan item seperti *Dumbledore*, *Weasley*, dan *Diagon Alley* besar kemungkinan tidak dapat dinikmati oleh pembaca teks terjemahan, berbeza dengan pembaca teks sumber.

Walaupun secara keseluruhannya strategi yang digunakan cenderung kepada bahasa dan budaya sumber, dapatan kajian menunjukkan terdapat juga sedikit sebanyak penerapan nilai budaya dan ubah suai unsur budaya daripada teks sumber ke dalam

teks sasaran supaya lebih sesuai dengan sensitiviti budaya sasaran. Item *pork chops* digugurkan dalam teks terjemahan, sesuai dengan sensitiviti pembaca sasaran yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Item yang asing dalam konteks budaya Melayu, seperti item pakaian dan aksesori telah diberikan penerangan atau diterjemah menggunakan padanan yang lebih umum supaya lebih mudah diterima oleh pembaca sasaran. Sebagai contoh, *an Axminster* – “permaidani Axminster”, *Edam* – “keju Edam” dan *knickerbocker glory* – “makanan”. Dalam hal ini, penterjemah telah memperkenalkan ideologi baru daripada budaya sasaran yang tidak wujud dalam teks asal.

## Kesimpulan

Ideologi ternyata boleh wujud bukan sahaja secara terang-terangan, malah juga secara halus melalui pemilihan makrolinguistik dan mikrolinguistik penulis dan penterjemah. Ideologi yang wujud dalam bentuk yang halus menjadi cabaran yang perlu ditangani oleh penterjemah dengan berhati-hati mengikut kesesuaian dan fungsi teks terjemahan tersebut.

Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa siri *Harry Potter* mengandungi pelbagai unsur budaya yang menjadi identiti latar masyarakat British. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penterjemah cenderung menggunakan prosedur peminjaman dan strategi berunsur asing (*foreignisation*) untuk menterjemah unsur budaya dalam siri novel ini. Hal ini membolehkan ideologi dan identiti masyarakat British dipindahkan ke dalam teks terjemahan. Walaupun demikian, pada masa yang sama, ideologi tersirat yang terdapat di sebalik kata nama khas boleh menjadi kurang atau tidak jelas bagi pembaca teks sasaran yang mempunyai latar pengetahuan dan budaya yang berbeza berbanding pembaca teks sumber. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan terperinci, kajian lanjut boleh dijalankan untuk meneliti kesan pemindahan ideologi ini terhadap penghayatan dan penerimaan pembaca teks terjemahan di Malaysia. Faktor utama yang mempengaruhi pemilihan strategi ini ialah kuasa yang dimiliki oleh syarikat konglomerat yang merupakan pemilik hak cipta francais *Harry Potter*. Demi melindungi pemasaran global francais ini, unsur-unsur budaya yang menjadi identiti karya ini tidak boleh diubah.

Secara keseluruhannya, penterjemahan karya sastera kanak-kanak bukan satu perkara yang mudah, malah terdapat pelbagai perkara yang perlu diambil kira dalam setiap kerja penterjemahan yang dilakukan. Masih terdapat banyak ruang untuk kajian dijalankan bagi meneliti bagaimana aspek ideologi mempengaruhi penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia.

## Bibliografi

- Aixela, J.F. 1996. Culture-specific items in translation. In *Translation, power, subversion*, eds. R. Alvarez and M.C. Vidal, 52–78. Clevedon: Multilingual Matters.
- Alton, A.H. 2008. Playing the genre game: Generic fusions of the Harry Potter series. In *Critical perspectives on Harry Potter* (2nd ed.), ed. E. Heilman, 199–224. New York: Routledge.
- Baker, M. 1992. *In other words: A course book on translation*. London: Routledge
- Begin, A. 2014. *Nagas and ophiolatry in Hindu culture*. [https://www.academia.edu/7509640/Nagas\\_and\\_Ophiolatry\\_in\\_Hindu\\_Culture](https://www.academia.edu/7509640/Nagas_and_Ophiolatry_in_Hindu_Culture) (accessed 26 June 2015).
- Brasienė, B. 2013. Literary translation of culture-specific items in Lithuanian translation of Orwell's *Down and Out in Paris and London*. Unpublished Master's dissertation, Vytautas Magnus University, Lithuania.
- Brøndsted, K. and Dollerup, C. 2004. The names in Harry Potter. *Perspectives: Studies in Translatology* 12(1): 56–72. <https://doi.org/10.1080/0907676x.2004.9961490>
- Dickins, J. 2012. The translation of culturally specific items. In *Language studies: Stretching the boundaries*, eds. A. Littlejohn and S.R. Mehta, 43–60. Newcastle upon Tyne, UK: Cambridge Scholars Publishing.
- Encyclopedia Britannica Online*. 2015. Hippogriff: Legendary animal. <http://global.britannica.com/topic/hippogriff> (accessed 27 June 2015).
- Espindola, E. 2006. *The use and abuse of subtitling as a practice of cultural representation: Cidade de Deus and Boyz 'N the Hood*. Santa Catarina, Brazil: Universidade Federal de Santa Catarina.
- Garcia, B. 2013. *Romulus and Remus*. [http://www.ancient.eu/Romulus\\_and\\_Remus/](http://www.ancient.eu/Romulus_and_Remus/) (accessed 26 June 2015).
- Goldstein, S. 2004. Translating Harry part i: The language of magic. *Translorial*. <http://translorial.com/2004/12/01/translating-harry-part-i-the-language-of-magic/>.
- Hatim, B. and Mason, I. 1997. *The translator as communicator*. New York: Routledge.
- Hervey, S. and Higgins, I. 1992. *Thinking French translation: A course in translation method: French to English* (2nd ed.). New York: Routledge.
- Idris Mansor. 2015. Prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan Rihlat Ibn Battutah. *Kajian Malaysia* 33(2): 61–81.
- Ivir, V. 1987. Procedures and strategies for the translation of culture. *Indian Journal of Applied Linguistics* 13(2): 35–46.
- Jameson, F. 1974. *The prison-house of language: A critical account of structuralism and Russian Formalism*. New Jersey: Princeton University Press
- Jentsch, N.K. 2006. Harry Potter and the Tower of Babel: Translating the magic. In *The translation of children's literature*, ed. G. Lathey, 190–208. Clevedon: Multilingual Matters.
- Larson, M.L. 1998. *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. Lanham, Maryland: University Press of America.
- Latin Dictionary*. 2015. <http://www.latin-dictionary.org/> (accessed on 25 June 2015).
- Lefevere, A. 1992. *Translation, rewriting and the manipulation of literary fame*. New York: Routledge.
- Newmark, P. 1988. *A textbook of translation*. New York: Prentice Hall International.

- . 1981. *Approaches to translation*. Oxford: Pergamon.
- Nida, E. 1964. *Toward a science of translating*. Leiden, Netherlands: E.J. Brill.
- Norizah Ardi and Noraizah Abdul Aziz. 2009. Penterjemahan *phrasal verbs* bahasa Inggeris dalam *Harry Potter dan Putera Berdarah Kacukan*. In *Kelestarian bidang terjemahan*, eds. Hasuria Che Omar and Rokiah Awang, 304–317. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Nurul Huda Mohd Saad, Zuraidah Jantan and Rozaimah Rashidin. 2009. Penterjemahan bahasa figuratif Inggeris-Melayu dalam novel *Harry Potter and the Half-Blood Prince*. In *Kelestarian bidang terjemahan*, eds. Hasuria Che Omar and Rokiah Awang, 304–317. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2015. <http://prpm.dbp.gov.my/> (accessed 26 June 2015).
- Puteri Roslina Abdul Wahid and Cho, M.S. 2015. Analisis strategi terjemahan unsur budaya dalam novel bahasa Korea-Bahasa Melayu. In *Sinergi komuniti terjemahan: Akademia, industri dan amalan profesional*, eds. Haslina Haroon, Hasuria Che Omar, Goh Sang Seong dan Norizah Ardi, 252–263. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka and Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Puurtinen, T. 1998. Syntax, readability and ideology in children's literature. *META: Translators' Journal* 43(4): 524–533. <https://doi.org/10.7202/003879ar>
- Pym, A., Shlesinger, M. and Jettmarova, Z. (2006). *Sociocultural aspects of translating and interpreting*. Amsterdam: John Benjamins.
- Qafzezi, E. 2013. Abroad or back home? Reflecting on foreignizing and domesticating tendencies observed in children's literature translated into Albanian. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 4(10): 564–573. <https://doi.org/10.5901/mjss.2013.v4n10p564>
- Rowling, J. 2005. One-on-one interview with J.K. Rowling, ITV, 17 July. <http://www.accio-quote.org/articles/2005/0705-itv-coad.htm> (accessed 17 August 2017).
- . 2004. J.K. Rowling at the Edinburgh Book Festival, 15 August. <http://www.accio-quote.org/articles/2004/0804-ebf.htm> (accessed 17 August 2017).
- . 2001. Harry Potter and me (BBC Christmas Special) transcript, 28 December. <http://www.accio-quote.org/articles/2001/1201-bbc-hpandme.htm> (accessed 10 February 2018).
- . 2000. J.K. Rowling eToys interview transcript. <http://www.accio-quote.org/articles/2000/fall00-etoys.html> (accessed 10 February 2018).
- . 1999. J.K. Rowling interview transcript (WBUR Radio), 12 October. <http://www.accio-quote.org/articles/1999/1099-connectiontransc2.htm> (accessed 26 June 2015).
- Saldanha, G. and O'Brien, S. 2014. *Research methodologies in translation studies*. New York: Routledge.
- Saxena, V. 2012. *The subversive Harry Potter: Adolescent rebellion and containment in the J.K. Rowling novels*. North Carolina: McFarland & Company Inc., Publishers.
- Shuttleworth, M. and Cowie, M. 1997. *Dictionary of translation studies*. Manchester: St. Jerome.
- Simpson, P. 1993. *Language, ideology and point of view*. New York: Routledge

- Spencer, P. 2005. *What's in a name?* <http://www.theninemuses.net/hp/v.html> (accessed 27 June 2015).
- Stouffer, T. 2007. *The complete idiot's guide to Harry Potter*. New York: Penguin Group.
- Vander Ark, S. 2015. *Veela*. [https://www.hp-lexicon.org/bestiary/bestiary\\_v.html](https://www.hp-lexicon.org/bestiary/bestiary_v.html) (accessed 27 June 2015).
- Venuti, L. 2008. *The translator's invisibility: A history of translation* (2nd ed.). New York: Routledge.
- Zalina Mohd Lazim. 2006. Adapting culture in the translations of children's literature books. In *Writing the past into the present: Reflections of 35 years of scholarship in language and literary studies*, eds. S. Pillai and V. Sriadulpan, 343–354. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zohar, S. 2006. Translation of children's literature. In *The translation of children's literature*, ed. G. Lathey, 25–40. Clevedon, UK: Multilingual Matters.